



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

(MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL)

Kementerian Kesihatan Malaysia
(Ministry Of Health Malaysia)
BLOK B, ARAS BAWAH
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 2691 2171
Faks : 03 - 2693 8569 / 03 - 2691 2937
Emel : admin.mmc@moh.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mmc.gov.my>

Ruj. Kami : MPM 600-4/6/5 Jld 7 (30)

Tarikh : 6 Jun 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PEMAKLUMAN BERKENAAN KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM) KALI KE-428 BERTARIKH 21 MAC 2023 BERHUBUNG KEPERLUAN KESEMUA PENGAMAL/PENSYARAH PERUBATAN KLINIKAL DAN BUKAN KLINIKAL BERDAFTAR PENUH DENGAN MPM SERTA MEMILIKI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN (PAT) YANG SAH

Perkara di atas adalah dirujuk dengan hormatnya.

1. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia (MPM) kali ke-428 bertarikh 21 Mac 2023 telah memutuskan **bahawa kesemua pengamal/pensyarah perubatan klinikal DAN bukan klinikal PERLU berdaftar penuh dengan MPM SERTA memiliki Perakuan Amalan Tahunan (PAT) yang sah.** Sehubungan itu, pihak MPM memberikan tempoh selama satu tahun dari tarikh mesyuarat tersebut sehingga **31 MAC 2024** kepada semua pengamal/pensyarah perubatan bukan klinikal untuk berdaftar penuh dengan MPM dan membuat permohonan Perakuan Amalan Tahunan (PAT).
2. Oleh yang demikian, diminta agar pihak tuan dapat memastikan semua pengamal perubatan yang berkhidmat di institusi tuan untuk memiliki pendaftaran penuh dan Perakuan Amalan Tahunan (PAT) yang sah selaras dengan keputusan MPM tersebut.
3. Perlu ditegaskan di sini bahawa mengamal perubatan tanpa pendaftaran yang sah adalah salah dari sisi undang-undang dan jika disabit, pengamal perubatan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012). Pihak MPM tidak akan bertanggungjawab sama sekali atas sebarang masalah dan isu yang timbul akibat kegagalan pihak tuan untuk mematuhi ketetapan ini.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

Presiden

Majlis Perubatan Malaysia

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

(MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL)

Kementerian Kesihatan Malaysia
(Ministry Of Health Malaysia)
BLOK B, ARAS BAWAH
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 2691 2171
Faks : 03 - 2693 8569 / 03 - 2691 2937
Emel : admin.mmc@moh.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mmc.gov.my>

Our Ref. : MPM 600-4/6/5 Jld 7 (30)
Date : 6 June 2023

Dear Sir/Madam,

NOTICE REGARDING THE DECISION OF THE 428th MEETING OF THE MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL (MMC) DATED 21st MARCH 2023 ON THE REQUIREMENT FOR ALL CLINICAL AND NON-CLINICAL MEDICAL PRACTITIONERS/LECTURERS TO BE FULLY REGISTERED WITH MMC AND HAVE A VALID ANNUAL PRACTICING CERTIFICATE (APC)

We refer to the matter above.

1. Please be informed that the 428th meeting of the Malaysian Medical Council (MMC) held on 21st March 2023 has decided that all clinical and non-clinical medical practitioners/lecturers MUST be fully registered with MMC and have a valid Annual Practicing Certificate (APC). Therefore, MMC has given a grace period of one-year from the date of the meeting until 31st March 2024 for all non-clinical medical practitioners/lecturers to be fully registered with MMC and apply for an APC.
2. Therefore, kindly ensure that all medical practitioners serving in your institution are in compliance with MMC's decision as above.
3. It is hereby reminded that practicing medicine without registration is an offence against the Medical Act 1971 (Amendment 2012). MMC shall not be responsible for any issues arising from your failure to comply with this requirement.

Thank you.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Sincerely yours,

(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

President
Malaysian Medical Council